

# Pusat pentadbiran pindah ke Sepang

1118 - 3 JUN 1998

Oleh Izman Ismail



PELABUHAN KLANG, Khamis — Semua urusan pentadbiran Kerajaan Persekutuan akan dipindahkan ke Perang Besar, Selangor sebaik saja bandar baru seluas 16,000 hektar itu siap seawat-lewatnya pada 1998.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan sudah meluluskan konsep pelan struktur bandar baru Perang Besar sebagai sebahagian usaha mengatasi masalah kesesakan di ibu kota.

Menurutnya, projek yang dijangka menelan belanja berbilion ringgit itu akan dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan kerjasama

sebuah konsortium swasta dianggotai oleh tujuh syarikat tempatan.

“Pembangunan bandar baru itu juga bertujuan meningkatkan fungsi Kuala Lumpur sebagai pusat komersil dan perdagangan manakala Perang Besar pula akan mengambil alih bidang pentadbiran kerajaan.

“Sehubungan itu, kerajaan membekukan penjualan tanah di kawasan terbabit.

“Kerja berkaitan pembangunan bandar baru itu sudah dimulakan dan dijangka siap sama ada pada 1996 atau 1998.

“Bagi jangka panjang, kerajaan berhasrat untuk mengubah nama bandar

baru itu bagi menyesuaikan fungsinya sebagai pusat operasi pentadbiran kerajaan,” katanya kepada pemberita selepas melawat projek pembinaan Pelabuhan Barat bernilai RM1.5 bilion di Pulau Indah, di sini hari ini.

Pusat Pentadbiran Perang Besar terletak kira-kira lapan kilometer di utara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Sepang. Ia dipilih sebagai pusat pentadbiran berikutan kedudukannya yang strategik di bagi samping mengatasi kesesakan Kuala Lumpur.

Dr Mahathir juga berkata, kerajaan tidak mempunyai pilihan selain me-

ngubah pusat pentadbiran berikutan kawasan di sekitar ibu kota semakin terhad dan terdedah kepada kesesakan lalu lintas.

Menurutnya, 16,000 hektar tanah sudah dikedan pasti di kawasan itu untuk dimajukan oleh kerajaan manakala sebahagian pula oleh swasta.

“Kerajaan menjangka tidak menghadapi masalah mendapatkan tanah kerana kebanyakan kawasan di situ milik kerajaan. Kita tidak mengambil semua, cuma kawasan tertentu saja.

“Bagi pihak pemilik tanah pula, mereka boleh membangunkan tanah masing-masing tetapi

mesti mengikut konsep pelan struktur yang sudah diluluskan oleh kerajaan,” katanya.

Mengulas Laporan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) mengiktiraf perkhidmatan awam Malaysia sebagai yang terbaik di kalangan negara membangun, beliau berkata, “Terima kasih kerana mengiktiraf kita dan tidak lagi menyindir dari segi hak asasi manusia.”

Bagaimanapun, katanya, masih banyak yang harus dilakukan oleh Malaysia kerana jauh ketinggalan dari segi pembangunan berbanding negara maju lainnya.